

Dr. M ucapsyabas

KUALA LUMPUR 17 Mei — Menteri Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengucapkan syabas kepada skuad badminton negara kerana berjaya merampas kembali Piala Thomas.

Dalam faksnya dari London yang diterima oleh Pengurus Pasukan Malaysia, Punch Gunalan pada jam 3 pagi semalam, Perdana Menteri berkata: "Syabas, negara berbangga dengan kejayaan anda menggendol Piala Thomas."

Dr. Mahathir yang sedang bercuti selama tiga minggu di sana berkata beliau akan mengu-

capkan suguhati kepada para pemain skuad badminton negara sekembalinya nanti.

Punch Gunalan memberitahu para pemberita pagi semalam faks berkenaan diterimanya menerusi isteri Perdana Menteri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr. Mahathir dijadual kembali ke tanah air pada awal bulan Jun selepas menghadiri Persidangan Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil.

Sementara itu Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba ketika bercakap kepada para

pemberita di Sepang pagi ini menyeru semua rakyat negara ini supaya menyerapkan semangat perjuangan dan perpaduan dalam pertandingan Piala Thomas untuk membangunkan negara.

Katanya, semangat yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia dalam kejohanan itu ha& dikekalkan bukan dalam pertandingan sukan sahaja.

"Kita memerlukan semangat sedemikian bagi memastikan pembangunan negara terus mencapai tahap yang membanggakan," katanya selepas merasmikan Ekspo Pendidikan dan

LIHAT MUKA 2

DR. M UCAP SYABAS

Perdagangan Sepang 1992.

Beliau berkata, rakyat tidak harus leka dengan kemenangan pasukan negara itu dan meneruskan semangat perjuangan seumpama itu dalam menjalankan tugas seharian.

"Tanpa semangat demikian kita mungkin akan gagal," tegasnya.

Mengenai ganjaran yang akan diberikan, Ghafar berkata, satu jamuan negara secara besar-besaran akan diadakan.

"Bagaimanapun ini semua terletak kepada keputusan Dr. Mahathir untuk menetapkan tarikh jamuan itu," katanya.

Selain itu, beliau memberitahu Perdana Menteri juga akan mengumumkan suguhati yang akan diberikan kepada pemain-pemain apabila kembali ke tanah air nanti.